

KANTA LEKAP



Adakah semua orang sesuai memakai kanta lekap??

- Kanta lekap memang selamat selagi pengguna mendapat nasihat daripada optometris serta mengamalkan rutin penjagaan yang baik. Bagi yang mempunyai mata yang sihat, tidak ada masalah bagi mereka menggunakan kanta lekap.
- Dari segi usia juga, tidak ada had usia untuk seseorang menggunakan kanta lekap. Ini kerana dari segi rawatan perubatan, ada kes di mana bayi diberikan kanta lekap terapeutik untuk merawat masalah pada mata mereka.
- Namun, bagi sesetengah individu, misalnya mereka yang mempunyai mata jenis kering, menghidap sebarang jenis penyakit okular (mata), wanita mengandung atau mereka yang sedang mengambil ubat-ubatan untuk penyakit yang serius, tidak sesuai menggunakan kanta lekap. Ini kerana dalam keadaan seperti yang dinyatakan, mata mereka biasanya lebih sensitif, mudah berlaku edema dan sebagainya.

Apakah jenis kanta lekap yang ada di pasaran sekarang??

1) Kanta Lekap Jenis Lembut

- Kebanyakannya jenis pakai buang, sama ada harian, mingguan atau bulanan.
- Lebih selesa, boleh mengubah warna mata dan boleh dipakai ketika melakukan aktiviti fizikal lasak manakala tempoh jam pemakaiannya lebih lama.

2) Kanta Lekap Jenis Keras RGP (rigid gas-permeable)

- Diperbuat daripada plastik keras dan lebih tahan lama.
- Kanta lekap jenis ini membenarkan oksigen melalui kanta dan tempoh hayatnya lebih lama.
- Tidak sesuai untuk dipakai ketika melakukan aktiviti fizikal lasak.

Risalah 4/2013

Unit Pemakanan

Bahagian Pengurusan & Pemakanan

KEMAS

KANTA LEKAP MURAH

Komplikasi, Gejala Dan Cara Rawatan Akibat Pemakaian Kanta Lepak



* **Superficial punctate keratitis (SPK):** Permukaan kornea mata rosak. Biasanya disebabkan oleh pemakaian yang terlampau ketat sehingga menyebabkan mata kekurangan oksigen (hypoxia), alergi, atau keracunan.

Gejalanya: Pemakai merasa tidak selesa, menjadi sangat sensitif pada cahaya (fotofobia), dan adanya bintik-bintik di kornea mata.

Rawatan: Mengurangi atau menghentikan pemakaian kanta lekap.

* **Alahan:** Radang atau iritasi kerana dimasuki bahan-bahan pembawa alahan seperti debu, serbuk atau makanan ke dalam mata.

Gejala: Rasa gatal, mata merah, hingga kelopak mata membengkak. Umumnya, alahan terjadi secara bermusim dan pemakai memang mempunyai sejarah alahan.

Rawatan: Hindari penyebab alahan, menghilangkan bengkak di mata dengan kompresi air dingin. Apabila terjadi keradangan, ubat antiradang boleh diberikan manakala alahan boleh diredakan dengan ubat alahan, antihistamin.

* **Sindrom mata kering (keratoconjunctivitis sicca):** Timbulnya bintik (keratitis) kronik pada kornea bawah.

Komplikasi ini disebabkan oleh perembesan air mata pemakai yang tidak mencukupi.

Gejalanya: Mata seperti terbakar, air mata sering keluar, dan cairan di mata berlebihan.

Rawatan: Suplemen air mata atau menggantikan kanta. Sekiranya tidak berhasil, hentikan pemakaiannya.

Gejala: Gatal-gatal, penglihatan berkurang, kanta lebih banyak bergerak-gerak, tidak boleh memakai kanta biasa dan kelopak bengkak.

Rawatan: Kurangkan pemakaian kanta, menjaram air dingin, berjumpa doktor mata dengan segera.

Risalah 4/2013

Unit Pemakanan

Bahagian Pengurusan & Pemakanan

KEMAS